



**TEKS UCAPAN**  
**'MAJLIS PENYERAHAN BUKU AMANAT**  
**PERDANA MENTERI MALAYSIA'**

OLEH  
**YANG BERBHGS. DATO' WAN MOHD ZUKI BIN HJ MOHAMAD**  
TIMB. KETUA PENGARAH RISDA (PENGURUSAN & KORPORAT)

TEMPAT: DEWAN AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH  
IBU PEJABAT RISDA, JALAN AMPANG  
KUALA LUMPUR

TARIKH : 17 NOVEMBER 2009 (SELASA)  
MASA : 9.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik  
Pengerusi RISDA Malaysia

Ahli-Ahli GABEM dan NGOs

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil

Pengarah2 Bahagian, Pengarah2 RISDA Negeri

Pengurus-Pengurus Besar Anak Syarikat

Pihak Media, Serta Dato2, Datin2, Tuan-tuan dan Puan-puan  
yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia.

1. Saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama hadir pada pagi ini untuk menjayakan Majlis Penyerahan Buku Amanat Perdana Menteri Malaysia (1946-2009). Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain di negeri Kedah. Bagi pihak Pengurusan RISDA, saya amat mengalu-

3

alukan kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Penggerusi RISDA, melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak GABEM, NGOs, Koperasi Pekebun Kecil serta pihak Media atas kesudian dan kerjasama dalam menjayakan Majlis ini.

2. Majlis pada hari ini sebenarnya merupakan cetusan Yang Berbahagia Tan Sri Rahim sendiri dan bertujuan untuk menyerahkan Buku-Buku Koleksi Amanat Perdana Menteri-Perdana Menteri Malaysia dari tahun 1946 sehingga tahun

4

2009 kepada Dato2, Datin2 serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang mewakili GABEM, NGOs, Koperasi Pekebun Kecil, RISDA serta juga Anak2 Syarikat RISDA.

3. Seperti yang kita semua sedia maklum, Yang Berbahagia Tan Sri merupakan seorang Negarawan dan pendukung sejarah Malaysia yang tersohor. Oleh itu tidak hairanlah jika Yang Berbahagia Tan Sri berhajat supaya setiap orang daripada kita memahami proses pembinaan negara dan bangsa Malaysia melalui ucapan-ucapan dasar Perdana Menteri dalam Koleksi Buku-Buku ini. Kesemua dasar ini bertujuan untuk menerapkan satu sikap bekerja yang positif,

5

mewujudkan pentadbiran yang cekap dan berkesan, meningkatkan produktiviti serta keupayaan agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memuaskan kepada masyarakat. Semua dasar tersebut tidak akan bermakna sekiranya setiap pegawai gagal menterjemahkannya dalam semua aspek tugas dan tanggungjawab. Bagi pihak RISDA, saya merakamkan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri yang telah merealisasikan Majlis pada hari ini.

4. Semoga Majlis pada hari ini akan memberikan impak yang baik kepada kita semua terutama dari segi meningkatkan

6

pengetahuan sejarah negara kita. Pengurusan RISDA sentiasa menaruh keyakinan penuh terhadap Yang Berbahagia Tan Sri dalam melaksanakan apa jua program yang difikirkan baik untuk RISDA. Kami sentiasa akan menyokong apa jua inisiatif yang baik yang perlu dilakukan demi kemajuan pekebun kecil dan Negara tercinta.

5. Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan kepada Yang Berbahagia Tan Sri atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan untuk menjayakan Majlis pada hari ini dan juga sudi menyempurnakan Majlis ini. Juga ribuan terima

7

kasih atas kerjasama kepada jemputan daripada GABEM, NGOs, KPK serta pihak Media. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa yang telah berusaha dengan penuh komitmen untuk menjayakan Majlis ini.

Sekian, Selamat Maju Jaya.

Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum

W.B.T.